

20 OCT 1996

Isa-Kebersihan

PENDUDUK BANDAR PERLU SENTIASA TINGKAT TAHAP KEBERSIHAN

SEREMBAN, 20 Okt (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata orang ramai harus menyedari betapa pentingnya penjagaan tahap kesihatan umum ditingkatkan sepanjang masa di kawasan-kawasan bandar.

Katanya pembabitan secara langsung dan komitmen masyarakat perlu kerana mereka yang akan menjadi faktor penentu terhadap tahap kesihatan terutama dalam penjagaan kebersihan persekitaran.

"Tahap kesedaran masyarakat terhadap kebersihan masih lagi rendah dan ini dapat dilihat daripada sikap mereka yang masih mengunjungi gerai-gerai makanan yang kotor," katanya pada majlis pelancaran Hari Kesihatan Sedunia 1996 peringkat Negeri Sembilan di Seremban Centre Point di sini hari ini.

Beliau berkata sejajar dengan tema "Bandar Sihat, Hidup Lebih Sempurna", sudah sewajarnya penduduk bandar mengambil berat terhadap penjagaan kebersihan di kawasan persekitaran mereka.

"Jumlah penduduk bandar di seluruh negara dijangka bertambah sebanyak 60 peratus sebelum tahun 2000 dan ia akan mewujudkan pelbagai masalah dari sudut kesihatan jika tidak diberikan perhatian dari sekarang," katanya.

Ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai penetapan harga rumah kos rendah pada masa akan datang berdasarkan lokasi, Mohamed Isa berkata langkah itu dijangka dapat membantu kerajaan negeri yang menghadapi masalah untuk membina lebih banyak rumah kos rendah.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan pusat harus terlebih dahulu mencari formula yang dapat membezakan harga rumah kos rendah di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dengan tempat-tempat lain.

"Selain itu, perlu ada juga formula untuk perbezaan harga di bandar-bandar sederhana besar seperti Seremban dengan bandar kecil seperti Kuala Klawang di Jelebu," katanya. -- BERNAMA

RAB AKD